

19 APRIL 2018

Bapa buat petisyen bawa anak pulang

BH Khamis, 19 April 2018 Ms.67

→ **PRIHATIN**

KES KELDAI DADAH DIPENJARA 20 TAHUN DI NEPAL

[FOTO HASRIYASYAH SABUDIN/BH]



Sin Woon menandatangani petisyen yang dilakukan Jamaluddin pada sidang media di Bilik Gerakan MCA Parlimen Seremban, semalam.

Bapa buat petisyen bawa anak pulang

→ Rayu kerajaan campur tangan bawa mangsa jalani baki hukuman di Malaysia

Oleh Ifwan Tun Tuah
ifwan@nstp.com.my

▀ Seremban

Walaupun menyedari peluang untuk membawa pulang anaknya yang dipenjarakan selama 20 tahun di Nepal kerana menjadi keldai dadah amat tipis, Jamaluddin Malek, 66, tidak berputus asa dan terus berusaha.

Beliau dengan sokongan Ketua Pemuda MCA, Datuk Chong Sin Woon, giat mengumpulkan tanda tangan orang ramai bagi menyokong petisyen meminta kerajaan negara itu mempertimbangkan untuk membebarkan anak sulungnya, Marina, 39, menjalani baki hukuman penjara 17 tahun lagi di Malaysia.

Jamaluddin berkata, beliau mula mengumpulkan tandatangan orang ramai di sekitar kawasan perumahan di Ampangan di sini, sejak bulan lalu sebelum bertemu dengan Sin Woon yang mencadangkan usaha itu turut dilakukan secara online bagi mendapat lebih banyak sokongan.

Usaha tak mustahil
"Saya tahu usaha ini sukar, namun dimaklumkan ia tidak mustahil. Jadi sebagai bapa, saya akan terus berusaha dengan apa saja cara untuk membawanya pulang," katanya pada sidang media di Bilik Gerakan MCA Parlimen Seremban di sini, semalam.

Pada 6 April 2015, akhbar melaporkan Marina ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Tribhuvan (TIA), Nepal selepas didapati cuba menyeludup 11 kilogram kokain yang disembunyikan di dalam lima komputer riba.

Media pada 25 Februari lalu melaporkan, Jamaluddin merayu supaya Kerajaan Malaysia melakukan sesuatu bagi membawa pulang anaknya yang sudah menjalani hukuman penjara tiga tahun daripada keseluruhan 20 tahun.

Seorang pengamal undang-undang, Paul Krishnaraja bagaimanapun berkata, Kerajaan Malaysia tidak boleh mencampuri urusan pelaksanaan hukuman kerana setiap negara ada kedaulatan undang-undang tersendiri dan perlu dipatuhi semua.

Menceritakan lebih lanjut, Jamaluddin berkata, anaknya itu pergi ke Nepal bersama suami dan anak lelaki mereka berusia lapan tahun untuk bercuti, pada pertengahan 2015.

"Selepas beberapa hari, dia meminta suami dan anaknya pulang terlebih dahulu kerana dia ada urusan lain. Namun, beberapa hari selepas itu dia ditahan pihak berkuasa Nepal kerana didakwa membawa dadah sebelum dipenjarakan," katanya.

Anak terlalu kurus
Jamaluddin berkata, selepas mengumpul wang selama tiga tahun, beliau akhirnya dapat melawat Marina awal Februari lalu dan terlalu sedih melihat keadaannya yang kurus dan tidak sihat.

Sementara itu, Sin Woon berkata, petisyen itu diharapkan membuka pintu rundingan antara pihaknya dengan Kerajaan Nepal.

"Kita berharap ramai rakyat Malaysia memberi sokongan kepada usaha ini seterusnya menarik perhatian kerajaan Nepal memulakan perbincangan mengenai apa yang boleh dilakukan seterusnya," katanya yang meminta rakyat Malaysia mengambil inisiatif dengan kejadian itu dan tidak terpedaya menjadi keldai dadah.

Katanya, orang ramai boleh menandatangani petisyen itu di pautan <https://www.change.org/p/anak-malaysia-petisyen-kepada-kedutaan-nepal-di-malaysia-rayuan-membawa-pulang-marina-binti-jamaluddin>.